

Kempen Subsidi Motor Prihatin

Terma & Syarat

A. DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, kecuali jika konteks memerlukan sebaliknya atau jika dinyatakan dengan jelas, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditetapkan di bawah:

“**Generali**”, “**Generali Insurance Malaysia**”, “**Kami**”, “**Milik Kami**”, “**Kita**”, “**Syarikat**” merujuk kepada Generali Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 197501002042 (23820-W)) serta pewaris hak dan penerima serah hak.

“**Kempen**” merujuk kepada “Kempen Subsidi Motor Prihatin”.

“**Ganjaran Kempen**” merujuk kepada subsidi sebanyak RM50 bagi Polisi Motosikal yang Layak.

“**Polisi Motosikal yang Layak**” merujuk kepada polisi motosikal **komprehensif** Generali dengan kapasiti enjin **150 cc dan ke bawah** yang dibeli melalui saluran pengedaran agensi yang sah Generali atau Cawangan-cawangan Generali.

“**Jumlah Amaun Subsidi**” merujuk kepada jumlah subsidi yang diperuntukkan oleh Generali bagi kempen ini.

“**Pelanggan yang Layak**” merujuk kepada yang berikut:

1. Warganegara Malaysia yang berumur 16 tahun dan ke atas.
2. Individu yang disenaraikan sebagai penerima di bawah ‘**Sumbangan Asas Rahmah (SARA) – SARA Bulanan**’*, program kerajaan yang ditakrifkan oleh Kementerian Kewangan.
3. Individu yang memenuhi syarat-syarat yang berkaitan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, termasuk memiliki lesen motosikal yang sah serta pemilikan atau pendaftaran motosikal sebagaimana diiktiraf di bawah Akta tersebut.

Nota: **Penyertaan** adalah terhad kepada **satu (1) penyertaan** bagi setiap K/P. Sila rujuk E. TERMA AND SYARAT AM untuk had penyertaan.

*Maklumat lanjut mengenai program SARA boleh didapati di portal rasmi kerajaan:
[Sumbangan Asas Rahmah \(SARA\)](#)

“K/P” merujuk kepada Kad Pengenalan yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Kempen ini akan sah bermula dari **2 Mac 2026** sehingga Jumlah Amaun Subsidi digunakan sepenuhnya.

C. MEKANISME KEMPEN

1. Pelanggan yang Layak yang membeli Polisi Motosikal yang Layak sepanjang Tempoh Kempen akan berhak menerima Ganjaran Kempen tertakluk kepada pengesahan yang berjaya.
2. Kelayakan mesti disahkan dengan memeriksa kelayakan SARA individu menggunakan nombor K/P melalui portal pengesahan rasmi SARA.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memaklumkan kepada ejen sah Generali atau kakitangan khidmat pelanggan Generali mengenai hasrat mereka untuk memohon atau menerima Ganjaran Kempen pada masa pembelian Polisi Motosikal yang Layak.
4. Pengesahan kelayakan akan dijalankan oleh ejen sah Generali atau kakitangan khidmat pelanggan Generali melalui Portal semakan kelayakan yang ditetapkan.
5. Selepas pengesahan berjaya, ejen sah Generali atau kakitangan khidmat pelanggan Generali akan meneruskan dengan pengeluaran polisi bagi Polisi Motosikal yang Layak dan memberikan Ganjaran Kempen bagi Pelanggan yang Layak.
6. Subsidi sebanyak RM 50 akan ditolak daripada jumlah premium yang perlu dibayar oleh Pelanggan yang Layak pada masa pembelian.

D. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

1. Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak termasuk maklumat peribadi (“Maklumat”) yang dikemukakan atau diketahui oleh Generali dan/atau syarikat berkaitannya berhubung dengan Kempen, hanya akan digunakan bagi tujuan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini serta selaras dengan Notis Data Privasi Generali.
2. Dengan menyertai Kempen ini, persetujuan Pelanggan yang Layak diberikan kepada Generali dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Generali dan/atau mana-mana syarikat berkaitannya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia,

untuk memproses Data Peribadi mereka bagi tujuan dan setakat yang dinyatakan dalam Notis Data Privasi melalui <https://www.general.com.my/data-privacy-notice>.

3. Generali mengutamakan keselamatan data peribadi individu, dan data peribadi tersebut berhubung dengan penyertaan dalam Kempen ini akan diproses selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
4. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada notis privasi kami di dalam Notis Data Privasi.

E. TERMA DAN SYARAT AM

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Setiap Pelanggan yang Layak dibenarkan **satu (1) penyertaan** dalam Kempen ini, berdasarkan nombor K/P mereka. Sebarang permohonan tambahan oleh individu yang sama akan dibatalkan.
3. Generali berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Kempen atau Jumlah Amaun Subsidi sebagaimana dianggap perlu dan sesuai.
4. Generali berhak untuk menarik balik, menggantung atau menghentikan Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara sendiri tanpa memberikan notis terlebih dahulu dan tanpa menanggung sebarang liabiliti.
5. Sebarang pindaan Terma dan Syarat, termasuk perubahan kepada Tempoh Kempen akan dimaklumkan di laman web rasmi Generali atau notis yang dipamerkan di cawangan Generali.
6. Apabila Jumlah Amaun Subsidi telah digunakan sepenuhnya, satu notifikasi akan dikeluarkan melalui saluran komunikasi yang sama seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas.
7. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dikembalikan, serta tidak boleh ditukar kepada tunai atau sebarang manfaat lain.
8. Pelanggan yang Layak yang terlibat dalam sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang dan/atau tidak beretika akan dibatalkan kelayakan daripada Kempen ini.

9. Keputusan Generali berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
10. Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Kempen ini dianjurkan oleh:

Generali Insurance Malaysia Berhad

Level 1, Menara Generali
27 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Sebarang pertanyaan mengenai Kempen ini hendaklah ditujukan kepada
customer.service.gi@generali.com.my